

# UMNO masih harap pemimpin PAS sertai semula Barisan

IPOH, Sabtu.— UMNO masih mengharapkan Presiden PAS, Datuk Haji Mohd Asri Muda, dan pemimpinnya yang lain membuka semula 'pintu hati mereka' untuk menyertai balik Barisan Nasional.

Tuhan akan tetap merestui doa kita yang sentiasa ingin melihat perpaduan bangsa Melayu menerusi keikhlasan," kata Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustafa Jabar.

Datuk Haji Mustafa ketika ditemui di bilik gerakan pilihanraya BN Perak semalam ke-sal terhadap sambutan dingin Datuk Haji Mohd Asri mengenai tawaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar PAS menyertai semula BN.

Menurut Datuk Haji Mustafa, perletakan jawatan beberapa tokoh PAS telah menyedarkan orang-orang Melayu sendiri tentang perjuangan ikhlas UMNO pimpinan 2M.

Begitu jugalah keadaan yang sedang berlaku dalam DAP, yang mana ramai tokoh Melayu mula keluar kerana sedar betapa ruginya mereka menyokong parti yang hanya ingin memeralatkan mereka.

"Saya bangga mendapat tahu antara 60 hingga 70 peratus, calon BN Perak kini di peringkat kemenangan," katanya.

Beliau kemudian berlepas ke Pulau Pinang untuk meninjau perkembangan jentera pilihanraya BN di sana.